

10 MAY 1996
LEAD Mahathir-Sanusi
SANUSI TEMUI DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 10 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Sanusi Junid yang disebut-sebut akan menggantikan Tan Sri Osman Aroff sebagai Menteri Besar Kedah hari ini menemui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di pejabat Perdana Menteri di sini.

Selepas pertemuan itu, Sanusi memberitahu pemberita bahawa beliau akan patuh kepada keputusan Perdana Menteri berhubung perlantikan Menteri Besar Kedah.

"Seperti ADUN-ADUN (Anggota Dewan Undangan Negeri) lain, saya juga menyokong siapa sahaja yang akan dilantik oleh Perdana Menteri bagi menjadi Menteri Besar Kedah," katanya di kediamannya di Bukit Bandaraya di Bangsar.

Katanya, semasa perjumpaan selama kira-kira 10 minit itu, Perdana Menteri berbincang dengannya mengenai pelbagai perkara termasuk prinsip-prinsip kepimpinan dan mengenai lawatannya (Sanusi) ke Australia.

Bagaimanapun, Dr Mahathir tidak menyatakan siapa yang akan menggantikan Tan Sri Osman dan bila perlantikan itu dibuat, katanya.

Bekas Menteri Pertanian itu berkata beliau baru pulang dari Australia malam tadi dan mendapati telegram di rumahnya yang meminta beliau menemui Perdana Menteri pada jam 3.45 petang hari ini.

Sanusi yang nampak ceria berbual-bual selama kira-kira sejam dengan para pemberita, yang sebelum itu turut menunggu beliau di pintu utama Jabatan Perdana Menteri.

Ketika diberitahu bahawa namanya disebut oleh Osman sebagai bakal menjadi Menteri Besar Kedah, beliau berkata: "Saya cuma baca dalam akhbar. PM tak kata pun pada saya.

"Kami bincang perkara-perkara yang biasa sahaja. Saya turut maklumkan kepada Perdana Menteri mengenai lawatan saya ke Australia untuk berbincang dengan pelabur di sana terlibat dalam projek pelancongan di Pulau Langkawi."

Sementara itu, Dr Mahathir ketika ditemui selepas majlis Tahlil Perdana sempena sambutan ulang tahun ke-50 Umno di Masjid Negara di sini petang ini, mengesahkan Sanusi menemuinya tetapi enggan mengulas lanjut.

Ketika ditanya sama ada soal perlantikan Menteri Besar Kedah yang baru dibangkitkan pada pertemuan itu, beliau berkata: "Tak ada, tidak ada apa-apa."

Dr Mahathir berkata adalah menjadi perkara biasa bagi ADUN menemuinya.

Sanusi bila ditanya mengenai keadaan Umno negeri Kedah, beliau berkata parti itu tetap kukuh dan menambah kata: " Saya fikir disiplin lebih penting bagi menjamin ketenteraman parti dan kini saya lihat disiplin di kalangan pemimpin negeri adalah tinggi."

Sanusi, yang buat pertama kali menemui wartawan selepas Dr Mahathir mengumumkan Isnin lepas bahawa Osman telah pun menghantar surat perletakan jawatan sebagai Menteri Besar Kedah, melayani pelbagai soalan yang dikemukakan oleh wartawan.

Semasa ditanya mengapa beliau tidak mendaftarkan diri bertanding pada pemilihan pucuk pimpinan parti Oktober ini, Sanusi berkata: " Cukuplah diri saya menjadi objek selama satu tahun dan tidaklah logik bagi saya menawarkan diri untuk bertanding kerana ia akan memanjangkan lagi perdebatan mengenai diri saya sepanjang kempen pertandingan.

"Dengan jumlah pendaftaran itu, nampaknya UMNO tidak ketandusan pemimpin dan dengan itu sama ada saya ada (bertanding) atau tidak adalah tidak penting," katanya.

Mengenai memorandum yang ditandatangani 22 orang ADUN pada Mac lepas bagi menyatakan sokongan tidak berbelah bagi kepada Osman sebagai Menteri Besar, sambil senyum beliau berkata: " Kalau saya dijemput bersama-sama dengan 22 orang ADUN itu diminta menandatangani sesuatu memorandum dan nama saya tidak terlibat dalamnya, saya akan menandatangani (memorandum itu) kerana saya tidak mahu berbeza daripada orang lain."

Semasa ditanya pandangannya mengenai suasana menyambut ulangtahun Umno ke-50 dengan beberapa peristiwa penting berlaku -- perletakan jawatan Ketua Menteri Sabah Datuk Salleh Said Keruak, perletakan jawatan Menteri Besar Kedah Tan Sri Osman Aroff dan kesediaan Presiden Semangat 46 Tengku Razaleigh Hamzah menyertai semula Umno -- beliau berkata ia merupakan satu peristiwa yang penting bagi Umno kerana semua pemimpin mempunyai kesempatan berfikir semula peranan diri mereka sebagai pemimpin dan peranan parti-parti Melayu memeperjuangkan bangsa dan negara.

"Kenyataan Tengku Razaleigh untuk sanggup memasuki semula Umno adalah satu kenyataan yang berani. Kenyataan Dr Mahathir untuk menerima balik Tengku Razaleigh, yang pernah menentang beliau, adalah satu pameran sikap yang cukup mulia, kerana mereka meletakkan perpaduan lebih atas daripada kepentingan peribadi.

"Ini berlaku sewaktu Umno merayakan ulang tahun ke-50 dan pada masa inilah pemimpin dan anggota Umno harus mengingati kembali peristiwa 1946 dengan pada masa itu, parti-parti yang ada sekarang belum ada, kecuali Umno.

"Parti-parti seperti PAS dan Semangat 46, semuanya wujud daripada Umno," katanya.

Mengenai perletakan jawatan Salleh sebagai Ketua Menteri Sabah sebaik sahaja tempoh yang dijanjikan bagi penggiliran tamat, beliau berkata ia adalah satu sikap yang bertanggungjawab.

"Ini sekaligus membuktikan bahawa Umno dan pemimpinnya adalah parti dan pemimpin yang menunaikan janji. Jika kita tidak tepati janji yang kita buat, orang tidak akan percaya kita lagi dan kredibiliti kita akan hilang," kata Sanusi.

Ketika ditanya mengenai perletakan jawatan Osman, beliau berkata: "Saya tidak ingin menyentuh mengenai perletakan jawatan Menteri Besar Kedah kerana saya sendiri adalah wakil rakyat yang datang dari Kedah," katanya.

Semasa ditanya sama ada Menteri Besar Kedah yang baru kelak akan mendapat sokongan padu rakyat negeri itu, Sanusi berkata: " Kebijakan Perdana Menteri tidak perlu dipersoalkan. Kebijakan Dr Mahathir diakui di seluruh dunia."

" Asean, Apec (Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik), negara-negara Selatan dan dunia keseluruhannya mengakui kebijakan Dr Mahathir.

"Saya tidak fikir bahawa sebuah negeri kecil yang dikenali sebagai Kedah boleh mencemarkan kebijakan Dr Mahathir," katanya. -- BERNAMA

SJA SAA NAK